



KERAJAAN NEGERI PERLIS

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN JUBLI PERAK PEMERINTAHAN DULI YANG MAHA MULIA (DYMM) TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, RAJA PERLIS DAN PEMAKLUMAN MAJLIS SANTAPAN DIRAJA

1. Kerajaan Negeri Perlis pada masa ini sedang giat membuat persediaan bagi Sambutan Jubli Perak Pemerintahan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Perlis bagi meraikan sempena 25 tahun pemerintahan baginda sejak dimahsyurkan sebagai Raja Perlis Ke-7 pada 17 April 2000. Sambutan ini merupakan manifestasi penghargaan dan kesetiaan rakyat terhadap kepimpinan baginda yang sentiasa berjiwa rakyat serta berperanan penting dalam pembangunan dan kesejahteraan negeri.
2. Bagi memeriahkan sambutan berkenaan, Kerajaan Negeri dengan kerjasama jabatan dan agensi kerajaan di Negeri Perlis telah merancang pelbagai program, antaranya program Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan, Istiadat Mengarak 9 Panji – Panji Rejimen Renjer Diraja, Persembahan Khas Tentera Darat, Pameran Diraja, Persembahan Orkestra dan Kesenian Diraja, Kenduri Rakyat, serta beberapa acara lain yang akan melibatkan keberangkatan Duli – Duli Tuanku untuk bersama-sama rakyat sepanjang tahun 2025 sehingga bulan April 2026.

3. Pada 17 April 2025 (Khamis), Negeri Perlis juga akan menerima keberangkatan DYMM Raja-Raja Melayu, serta Tuan Yang Terutama (TYT) dari negeri-negeri seluruh Malaysia, termasuk Negara Brunei Darussalam, bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja bertempat di Istana Arau. Sehubungan itu, orang ramai, khususnya di sekitar Bandar Arau, dipohon untuk memberi perhatian dan kerjasama terhadap pengumuman terkini daripada pihak berkuasa, terutamanya berkaitan dengan penutupan jalan-jalan utama yang bertujuan untuk memastikan kelancaran perjalanan acara berkenaan.
4. Kerajaan Negeri Perlis menzahirkan harapan agar Sambutan Jubli Perak ini dapat berlangsung dengan lancar serta menjadi detik bersejarah yang bermakna buat seluruh rakyat negeri ini.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Tarikh: 3 April 2025